

29 SEP 2003

DR MAHATHIR TERIMA ANUGERAH DARJAH KERABAT SELANGOR

KLANG, 29 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini dianugerahi Darjah Yang Amat Dihormati kelas pertama (D.K.) di Istana Alam Shah di sini.

Anugerah itu disampaikan oleh Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah pada majlis penyampaian Darjah Kerabat Selangor dan Jasamu Dikenang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Balai Santapan DiRaja Istana berkenaan.

Anugerah itu sebagai penghargaan kerajaan negeri Selangor terhadap sumbangan dan jasa Perdana Menteri terhadap rakyat Selangor.

Pada majlis penganugerahan itu, Setiausaha Sulit Sultan, Datuk Munir Bani berkata sumbangan Dr Mahathir kepada negara amat besar dan Selangor turut menikmati pelbagai hasil dan kemajuan.

"Oleh itu sangat wajar Dr Mahathir menerima penghormatan paling tinggi di Selangor ini," katanya.

Antara yang turut pada majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan isterinya Datin Seri Zaharah Kechik.

-- BERNAMA

SHS NER DC RHM